



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN
KOMPLEKS PENYIARAN NEGERI PERLIS**

PADA

**25 NOVEMBER 2019 (ISNIN), 10.00 PAGI
DI KOMPLEKS PENYIARAN NEGERI PERLIS**

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya, dapat kita berkumpul dalam majlis yang penuh bermakna iaitu Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Kompleks Penyiaran Negeri Perlis.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Sektor Bangunan, Jabatan Kerja Raya Malaysia, **YBrs. Ar. Zairul Azidin Badri**, Pengarah Bahagian K-Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, **YBhg. Dato' Pauzan bin Ahmar**, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) KKMM, **YBrs. Tuan Haji Muhammad Diah Haji Wahari**, **YBhg. Dato' Mohamed Irwan Mansor**, mewakili Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia, Pengarah-Pengarah Kanan dan Pengarah Jabatan Kerja Raya Malaysia, Pengarah Penyiaran Negeri Perlis, **YBrs. En. Ahmad Zaki Mustafa**, Pengarah Urusan Pedati Teguh Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama, Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas inisiatif dan usaha yang telah dijalankan untuk membangunkan Kompleks Penyiaran Negeri Perlis ini.

LATAR BELAKANG PROJEK

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) berasa amat bertuah kerana telah diberi ruang dan peluang untuk membina Kompleks Penyiaran Perlis di tapak ini. Jadi, bagi pihak Kementerian amnya dan Jabatan Penyiaran khususnya saya juga ingin merakamkan penghargaan ini kepada pihak Kementerian Kewangan.

4. Semenjak tahun 1992, Jabatan Penyiaran Negeri Perlis beroperasi dengan menyewa di Tingkat 6, Bangunan KWSP, Kangar bersama 57 orang kakitangan. Kini, Jabatan Penyiaran Negeri Perlis bakal mendapat kemudahan ruang fasiliti teknikal seperti konti radio, galeri penerbitan tv, stor radio dan penerbitan serta ruang pejabat baharu yang memenuhi keperluan teknikal dan kefungsian RTM untuk beroperasi dalam perkembangan teknologi terkini dan era penyebaran maklumat yang luas melalui pelbagai medium.

5. Pembinaan projek ikonik Jabatan Penyiaran Malaysia ini secara tidak langsung menjadi penanda aras (bench mark) di mana cadangan agar reka bentuk konsep bangunan ini dijadikan *pre-approved plans* (PAP) JKR bagi mewujudkan keseragaman bangunan-bangunan Jabatan Penyiaran Malaysia yang lain agar lebih mudah dikenali.

FAEDAH DAN MANFAAT

6. Seperti yang kita semua sedia maklum, YAB Perdana Menteri Malaysia telah membentangkan konsep Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan memberi penghayatan kepada perkongsian kekayaan dan kesejahteraan bersama tanpa mengira sempadan. Justeru itu, Kompleks Penyiaran Negeri Perlis ini akan menjadi penyokong kepada penyebaran maklumat yang sahih dan terpercaya kepada rakyat bagi manfaat bersama.

7. Penyebaran maklumat yang berkesan akan dapat membantu meningkatkan prestasi dan kemampuan negara ke tahap yang lebih cemerlang untuk menghadapi cabaran semasa dan masa depan. Ini merupakan usaha KKMM dalam memastikan sistem penyiaran yang berkualiti tinggi dan berbentuk digital dapat dipancarkan kepada seluruh rakyat negeri Perlis. Kompleks ini dijangka siap sepenuhnya sekitar bulan Jun 2020 dan rakyat akan mendapat manfaat daripada pembangunan yang telah dirancang oleh kerajaan.

Hadirin sekalian,

8. Kerajaan sedar betapa pentingnya untuk menyediakan persekitaran yang baik dan berkualiti kepada kakitangan sebagai asas kepada pembangunan insan yang mampu melahirkan penjawat awam berminda kelas pertama. Kerajaan juga amat prihatin bahawa kejayaan penyampaian perkhidmatan awam kepada kumpulan sasar adalah bergantung kepada kecekapan dan kreativiti maklumat yang disampaikan.

9. Justeru itu, KKMM sememangnya akan melaksanakan pembaharuan terutamanya dalam memastikan Jabatan/Agensi di bawahnya mempunyai prasarana infrastruktur yang lengkap bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna serta pihak yang mendapat manfaat. Jabatan Penyiaran harus lebih proaktif dalam mempromosikan dirinya sebagai Jabatan yang dapat menjana budaya kerja yang cemerlang, inovatif, kreatif dalam aspek penyampaian maklumat kepada rakyat dan kekal menjadi penyampai maklumat yang sahih dan terpecaya nombor 1 di Malaysia.

10. Namun, hasrat ini tidak dapat dilaksanakan seandainya terdapat kekurangan prasarana walaupun mempunyai pegawai lapangan yang berkemahiran dan berpengalaman dalam segala bidang.

11. Justeru itu, saya pasti dengan adanya kompleks baharu ini, suasana kerja akan lebih kondusif untuk semua warga Jabatan Penyiaran Negeri Perlis. Adalah menjadi harapan saya agar perkhidmatan dapat ditambah baik dan produktiviti serta mutu penyampaian perkhidmatan awam dapat ditingkatkan khususnya kepada komuniti di negeri ini.

12. Oleh itu, Jabatan Penyiaran mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menyebarkan maklumat yang tepat dalam mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan.

Hadirin sekalian,

13. Selepas hampir 56 tahun, Malaysia menjadi negara ketiga di ASEAN yang melakukan peralihan dari sistem penyiaran televisyen (TV) analog ke siaran digital secara High Definition (HD) dan Standard Definition (SD) manakala Labuan menjadi stesen terakhir melakukan ‘Analogue Switch Off’ (ASO). Ini merupakan satu detik bersejarah buat negara ke arah era pendigitalan dalam penyiaran.

14. Menerusi myFreeview, Kerajaan berusaha merapatkan jurang digital di antara penduduk di kawasan bandar, pinggir dan luar bandar agar dapat menikmati perkhidmatan TV digital secara percuma tanpa perlu membayar langganan bulanan. Selain penonton dapat menikmati kualiti siaran televisyen yang lebih baik, peralihan ini juga turut membuka peluang buat penyiar dan penggiat industri untuk menghasilkan kandungan yang lebih kreatif. Saya percaya RTM sebagai perintis projek peralihan yang mana persediaan telah dibuat seawal tahun 2004 peka terhadap kehendak penonton dan akan terus berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik buat rakyat di samping kekal relevan kepada negara.

HARAPAN DAN PENGHARGAAN

15. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Syarikat Pedati Teguh Sdn. Bhd. serta semua pihak yang terlibat menjayakan pelaksanaan projek ini. Komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat membuktikan bahawa segala permasalahan boleh diatasi sekiranya kita memahami objektif dan bersatu dalam mencapai objektif tersebut.

16. Saya percaya, pembinaan bangunan baru ini akan dapat meningkatkan semangat dan iltizam kakitangan Jabatan Penyiaran Malaysia dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk KKMM dan negara ini.

Sekian, terima kasih.